



GARIS PANDUAN

CUKAI KEUNTUNGAN MODAL BAGI SAHAM TIDAK TERSENARAI

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Pengenalan	1
2. Tujuan	2
3. Tafsiran	2
4. Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai	3
5. Tempoh Asas / Tahun Taksiran	3
6. Pengenaan Cukai Keuntungan Modal	3
7. Tarikh Pelupusan Dan Pemerolehan Aset Modal	5
8. Harga Pelupusan Dan Pemerolehan Aset Modal	7
9. Laba Atau Keuntungan Daripada Pelupusan Aset Modal	11
10. Kerugian Yang Tidak Dapat Diserap	18
11. Pemindahan Aset Modal Kepada Stok Dagangan	23
12. Pelupusan Saham Syarikat Relevan Menurut Seksyen 15C ACP	24
13. Penentuan Tarikh Dan Harga Bagi Pemerolehan Saham SHT Sebelum 1.1.2024	32
14. Tuntutan Kredit Cukai Asing	32
15. Kadar Cukai Keuntungan Modal	33
16. Pelaporan Cukai Keuntungan Modal	33
17. Penafian	34
18. Pemakaian	34

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. PENGENALAN

- 1.1 Cukai ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang dikenali sebagai cukai keuntungan modal (**CKM**) diperkenalkan melalui Akta Kewangan (No.2) 2023 [Akta 851]. Pengenaan CKM telah mengubah landskap percukaian di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (**ACP**) yang sebelum ini hanya dikenakan ke atas pendapatan bersifat hasil atau selain keuntungan modal.
- 1.2 CKM ditadbir oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia menerusi ACP berkuat kuasa mulai 1.1.2024. Namun, pelaksanaan CKM ke atas aset modal yang terlibat adalah bermula pada 1.3.2024. Bagi tempoh 1.1.2024 hingga 29.2.2024, CKM dikecualikan menurut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2023 [P.U.(A) 410/2023] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2024 [P.U.(A) 57/2024].
- 1.3 Pada masa ini, CKM dikenakan atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada:
 - (a) saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia (**STT**);
 - (b) saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya (**saham syarikat relevan**) di bawah seksyen 15C ACP; dan
 - (c) aset modal asing menurut perenggan (a) tafsiran “aset modal” dalam subseksyen 2(1) ACP yang diterima di Malaysia oleh pemastautin.
- 1.4 Bab 9 ACP secara jelas membincangkan layanan cukai berhubung pengenaan CKM ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal domestik, iaitu STT dan saham syarikat relevan. Justeru, peruntukan Bab 9 ACP tidak terpakai kepada laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia.

- 1.5 Dengan pengenalan CKM, laba atau keuntungan daripada pelupusan saham syarikat harta tanah (**SHT**) oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi termasuk entiti Labuan yang tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP tidak lagi tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (**ACKHT**).

2. TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan berhubung layanan CKM ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal domestik iaitu STT dan saham syarikat relevan (**aset modal**).
- 2.2 Bagi laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia oleh pemastautin, sila rujuk Garis Panduan berhubung layanan cukai ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima dari luar Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Garis Panduan ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.
- 3.2 Istilah yang digunakan dalam Garis Panduan ini mempunyai maksud berikut:
- (a) “aset modal” menurut subseksyen 2(1) ACP bermaksud –
 - (a) harta alih atau harta tidak alih yang terletak di luar Malaysia termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya; atau
 - (b) harta alih yang terletak di Malaysia yang merupakan suatu saham syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak disenaraikan di bursa saham (termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya) yang dimiliki oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.

- (b) “balasan” bermaksud balasan berupa wang atau nilai wang.
- (c) “pelupusan” bermaksud menjual, memindah hak, memindah milik, menyerahkan hak, menyelesaikan atau memberi milik sama ada melalui perjanjian atau melalui kuat kuasa undang-undang dan termasuk pengurangan modal saham dan pembelian oleh syarikat atas sahamnya sendiri.
- (d) “bursa saham” merujuk kepada takrifan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
- (e) “saham” bermaksud berkaitan dengan satu syarikat, termasuklah stok yang selain daripada stok debentur.

4. ORANG YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI

Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi termasuk entiti Labuan yang tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP (**pelupus**), merupakan orang yang boleh dikenakan CKM.

5. TEMPOH ASAS / TAHUN TAKSIRAN

CKM dikenakan ke atas pelupus dalam tahun taksiran di mana transaksi pelupusan aset modal berlaku. Tahun taksiran adalah merujuk kepada tempoh asas bagi tahun taksiran pelupus tersebut.

6. PENGENAAN CUKAI KEUNTUNGAN MODAL

- 6.1 Laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal adalah termasuk dalam kelas pendapatan yang layak dicukai di bawah perenggan 4(aa) ACP.
- 6.2 CKM dikenakan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada:

- (a) saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia; atau
- (b) saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 15C ACP.

6.3 Skop pengenaan CKM pada masa ini adalah ke atas “saham” bersifat ekuiti seperti saham biasa, saham keutamaan, saham keutamaan boleh tebus, bon boleh tukar atau pinjaman jangka panjang yang lebih bersifat ekuiti. Antara ciri-ciri saham bersifat ekuiti adalah:

- (a) hak menerima dividen tidak tetap;
- (b) kepentingan pemegang saham ke atas baki aset adalah setelah tuntutan lain diselesaikan dalam suatu pembubaran;
- (c) tiada tarikh matang; dan
- (d) mempunyai hak mengundi.

6.4 Laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal bukan suatu punca pendapatan perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP melainkan dalam keadaan di mana subseksyen 24(1) ACP terpakai.

6.5 Laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal layak dicukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang mana pelupusan aset modal tersebut berlaku. Setiap pelupusan aset modal hendaklah dilaporkan secara berasingan dan dianggap sebagai punca laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang berasingan antara satu sama lain.

Contoh 1

Cyber Sdn. Bhd. (Cyber) memiliki 100,000 unit saham dalam Jaya Sdn. Bhd. (Jaya). Cyber melupuskan pemegangan sahamnya dalam Jaya melalui perjanjian jual beli seperti berikut:

Tarikh Perjanjian	Unit Saham Dilupuskan	Pemeroleh
15.6.2025	10,000	Tan Sri Danial (Pengarah Cyber Sdn. Bhd.)
30.9.2025	50,000	Syarikat Putra Sdn. Bhd.
2.10.2025	40,000	Persatuan Pencinta Alam

Tempoh perakaunan Cyber berakhir pada 30 September setiap tahun.

Pelupusan saham bagi tiga transaksi di atas merupakan transaksi pelupusan yang berasingan. Cyber hendaklah melaporkan keuntungan daripada pelupusan saham tersebut yang merupakan pendapatan yang layak dicukai dengan mengemukakan borang nyata CKM secara e-Filing (Borang e-CKM) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan:

Tahun Taksiran	Tarikh Pelupusan	Unit Saham
2025	15.6.2025	10,000
2025	30.9.2025	50,000
2026	2.10.2025	40,000

7. TARIKH PELUPUSAN DAN PEMEROLEHAN ASET MODAL

7.1 Tarikh pelupusan aset modal dianggap berlaku pada –

- (a) tarikh perjanjian, jika terdapat perjanjian bertulis; atau
- (b) tarikh penyelesaian pelupusan, jika tiada perjanjian bertulis.

7.2 Tarikh penyelesaian pelupusan adalah –

- (a) pada tarikh aset modal dipindah milik oleh pelupus; atau
- (b) pada tarikh di mana kesemua amaun atau nilai balasan untuk pindah milik itu telah diterima oleh pelupus,
yang mana lebih awal.

- 7.3 Dalam satu transaksi pelupusan dan pemerolehan aset modal, tarikh pemerolehan aset modal oleh pemeroleh dianggap berlaku pada tarikh yang sama dengan tarikh pelupusan aset modal itu oleh pelupus.

Contoh 2

Cempaka Sdn. Bhd. (Cempaka) membuat perjanjian bertulis dengan Mawar Sdn. Bhd. (Mawar) pada 2.10.2024 untuk menjual saham dalam Rimba Sdn. Bhd. dengan harga RM3 juta. Saham tersebut telah dipindah milik kepada Mawar pada 2.12.2024 dan Mawar telah membuat bayaran penuh pada tarikh yang sama.

Dalam kes ini, tarikh pelupusan oleh Cempaka adalah pada 2.10.2024 iaitu pada tarikh perjanjian bertulis.

Contoh 3

Koperasi Bakti Mekar (Koperasi) akan memindahkan STT Integriti Padu Sdn. Bhd. (Integriti) kepada Sepakat Indah Sdn. Bhd. (Sepakat) setelah bayaran RM10 juta dimasukkan ke dalam akaun bank milik Koperasi. Tiada perjanjian bertulis antara Koperasi dan Sepakat berhubung transaksi pelupusan STT. Penyata bank milik Koperasi menunjukkan keseluruhan wang berjumlah RM10 juta diterima pada 2.6.2025 dan surat cara pindah milik (Borang di bawah Seksyen 105 Akta Syarikat 2016) disempurnakan pada 30.8.2025.

Dalam kes ini, tarikh pelupusan oleh Koperasi adalah pada 2.6.2025 iaitu tarikh kesemua amaun balasan untuk pindah milik diterima oleh Koperasi. Tarikh pemerolehan STT oleh Sepakat adalah pada 2.6.2025 iaitu bersamaan dengan tarikh pelupusan STT oleh Koperasi.

- 7.4 Di mana suatu perjanjian untuk pelupusan aset modal adalah secara kontrak bersyarat dan syarat itu dipenuhi, maka pelupusan dan pemerolehan aset modal itu adalah berlaku pada masa kontrak itu dibuat.

Jika pelupusan aset modal adalah secara kontrak bersyarat yang memerlukan kelulusan daripada Kerajaan atau Kerajaan Negeri –

- (a) tarikh pelupusan adalah tarikh kelulusan Kerajaan atau Kerajaan Negeri; atau
- (b) jika kelulusan daripada Kerajaan atau Kerajaan Negeri adalah bersyarat, maka tarikh pelupusan adalah tarikh di mana kesemua syarat dipenuhi.

8. HARGA PELUPUSAN DAN PEMEROLEHAN ASET MODAL

8.1 Harga pelupusan adalah amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang bagi pelupusan aset modal setelah ditolak dengan apa-apa perbelanjaan berkaitan pelupusan.

8.2 Nilai balasan bagi pelupusan dan pemerolehan bersamaan dengan nilai pasaran aset modal. Nilai pasaran adalah harga yang munasabah atau wajar untuk suatu transaksi pelupusan. Antara kriteria dalam menentukan nilai pasaran yang munasabah atau wajar adalah seperti berikut:

- (a) wujud pelupus dan pemeroleh;
- (b) pelupus dan pemeroleh bukan orang yang berkaitan;
- (c) pelupusan aset modal adalah transaksi selengan;
- (d) tiada paksaan dalam transaksi pelupusan; atau
- (e) kedua-dua pihak mempunyai pengetahuan yang cukup.

8.3 Kaedah penilaian saham yang munasabah dan bersesuaian boleh digunakan dalam menentukan nilai pasaran suatu saham.

Antara kaedah penilaian yang boleh digunakan adalah berdasarkan Nilai Aset Ketara Bersih (**NAKB**), yang berasaskan kepada penyata kewangan syarikat. Kaedah penilaian ini akan mengira nilai bagi seunit saham dengan mengambil kira jumlah aset ketara bersih syarikat.

Formula pengiraan berasaskan NAKB adalah seperti berikut:

$$\text{Nilai aset ketara bersih} = \text{Jumlah Aset} - \text{Aset Tidak Ketara} - \text{Jumlah Liabiliti}$$

$$\text{Nilai aset ketara bersih sesaham} = \frac{\text{Nilai aset ketara bersih}}{\text{Jumlah saham diterbitkan}}$$

Contoh 4

Eris Cent Sdn. Bhd. (Eris) memindah milik 100,000 unit saham dalam Melati Putih Sdn. Bhd. (Melati) kepada Dollar Sdn. Bhd. (Dollar) pada 15.2.2025 bagi tujuan penyelesaian hutang yang berjumlah RM200,000. Kedua-dua Eris dan Dollar dikawal oleh Asoba Sdn. Bhd. (Asoba). Tempoh perakaunan semua syarikat adalah berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Eris telah menggunakan kaedah NAKB bagi menentukan nilai pasaran saham yang dipindah milik berdasarkan maklumat-maklumat dalam penyata kewangan Melati bagi tahun berakhir 31.12.2024.

Berdasarkan kaedah NAKB, nilai pasaran seunit saham yang ditentukan adalah RM3 seunit. Oleh yang demikian, Eris telah melaporkan nilai balasan pelupusan saham sebanyak RM300,000 (100,000 unit x RM3.00).

Memandangkan Eris dan Dollar dikawal oleh Asoba, transaksi pelupusan saham adalah suatu pelupusan antara orang yang berkaitan di bawah perenggan 65E(8)(e) ACP. Nilai balasan pelupusan hendaklah disifatkan bersamaan dengan nilai pasaran saham pada masa pelupusan berlaku. Penentuan nilai pasaran bagi nilai balasan pelupusan saham yang dilaporkan oleh Eris menggunakan kaedah NAKB adalah boleh diterima.

Oleh yang demikian, nilai balasan pelupusan saham pada nilai pasaran RM300,000 boleh dianggap wajar dan munasabah menurut subseksyen 65E(8) ACP.

8.4 Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (**KPHDN**) boleh menetapkan nilai pasaran untuk digunakan dalam keadaan berikut:

- (a) pihak yang berurus niaga tidak dapat mencapai persetujuan dengan nilai pasaran aset modal;
- (b) pelupusan hanya melibatkan satu pihak; atau
- (c) KPHDN mendapati nilai pasaran yang dipersetujui oleh pihak yang berurus niaga adalah tidak betul, antaranya pelupusan melibatkan syarikat berkaitan yang mana syarikat pelupus dikawal oleh syarikat pemeroleh atau sebaliknya.

8.5 Nilai balasan bagi sesuatu pemerolehan atau pelupusan aset modal disifatkan pada nilai pasaran aset modal pada masa pelupusan dalam keadaan berikut:

- (a) pemerolehan atau pelupusan aset modal merupakan transaksi tidak selengan, dan khususnya pemerolehan atau pelupusan adalah dengan cara pemberian atau hadiah;
- (b) pemerolehan atau pelupusan keseluruhan atau sebahagian aset modal dengan balasan yang tidak dapat dinilai;
- (c) jika pelupus –
 - (i) memperoleh aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) bagi membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada hutang yang kena dibayar oleh orang itu; atau
 - (ii) memindahkan aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) untuk membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar kepada pemiutang;
- (d) pemerolehan atau pelupusan aset modal dalam suatu transaksi pindah milik perniagaan yang dibuat dengan suatu balasan sekaligus; atau
- (e) transaksi pelupusan aset modal adalah antara orang yang berkaitan.

8.6 Maksud “orang yang berkaitan” adalah seperti berikut:

- (a) Sesuatu syarikat adalah berkaitan dengan suatu syarikat lain –
 - (i) jika orang yang sama mengawal kedua-dua syarikat itu;
 - (ii) jika seseorang mengawal satu syarikat dan orang yang berkaitan dengannya (ataupun dia dan orang yang berkaitan dengannya itu) mengawal syarikat yang satu lagi itu;
 - (iii) jika dua atau lebih kumpulan orang yang sama mengawal setiap satu syarikat itu;
 - (iv) jika salah seorang anggota dalam kumpulan yang sama digantikan dengan orang yang berkaitan dengannya bagi mengawal setiap satu syarikat.
- (b) Sesuatu syarikat adalah berkaitan dengan satu orang lain –
 - (i) jika orang itu mengawal syarikat itu; atau
 - (ii) jika orang itu dan orang yang berkaitan dengannya bersama-sama mengawal syarikat itu.
- (c) Mana-mana orang adalah berkaitan antara satu sama lain –
 - (i) jika mana-mana dua orang atau lebih yang bertindak bersama-sama untuk mendapatkan atau menjalankan kawalan suatu syarikat;
 - (ii) jika mana-mana orang yang bertindak atas arahan mana-mana daripada mereka itu untuk mendapatkan atau menjalankan kawalan syarikat itu.

8.7 Dalam keadaan aset modal ditukar (*exchange*) dengan aset lain, nilai pasaran aset yang diterima oleh pelupus diambil kira sebagai nilai balasan bagi pelupusan aset modal. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai pasaran aset yang diterima/ditukar tidak dapat ditentukan, maka nilai pasaran aset modal yang dilupuskan akan diambil sebagai nilai balasan pelupusan.

Contoh 5

Venus Sdn. Bhd. (Venus) memiliki 7 juta unit STT Mercury Sdn. Bhd. (Mercury) dengan nilai RM2 seunit. Venus telah membuat perjanjian pertukaran dengan Neptune Sdn. Bhd. (Neptune) bagi memindahkan kesemua saham STT Mercury yang dimiliki oleh Venus kepada Neptune dengan balasan Neptune memindahkan sebidang tanah di Cyber 8 bernilai RM15 juta dan sebuah kereta Tesla yang bernilai RM450,000.

Layanan cukai adalah seperti berikut:

- (a) tarikh pelupusan STT Mercury adalah pada tarikh perjanjian pertukaran; dan
- (b) nilai balasan pelupusan adalah RM15.45 juta (nilai pasaran tanah di Cyber 8 bernilai RM15 juta dan nilai pasaran kereta Tesla bernilai RM450,000) pada tarikh perjanjian pertukaran.

8.8 Kemudahan pembiayaan syariah

Bagi aset modal yang diperolehi melalui kemudahan pembiayaan syariah yang disediakan oleh perbankan Islam, harga pemerolehan aset modal adalah –

- (a) amaun atau nilai balasan yang diberi oleh atau bagi pihak pemeroleh kepada orang yang melupuskan aset modal itu, atau
- (b) jika aset modal itu dimiliki oleh bank, amaun atau nilai balasan yang diberi kepada bank itu untuk pemerolehan aset modal tersebut.

9. LABA ATAU KEUNTUNGAN DARIPADA PELUPUSAN ASET MODAL

- 9.1 Suatu laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal layak dicukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (**TT**) yang mana pelupusan aset modal tersebut berlaku. Bagi tujuan tersebut, pengiraan pendapatan larasan sehingga pendapatan bercukai hendaklah dilakukan menurut undang-undang dalam menentukan amaun cukai yang kena dibayar.

9.2 Pendapatan atau kerugian larasan daripada pelupusan aset modal ditentukan dengan mengambil kira perbezaan antara amaun atau nilai balasan pelupusan dan pemerolehan setelah pelarasan dibuat dengan apa-apa perbelanjaan berkaitan pelupusan dan pemerolehan aset modal tersebut.

9.3 Pelupusan sebahagian aset modal

Apabila aset modal dilupuskan sebahagian dan sebahagian lagi masih di pegang, maka suatu pelupusan sebahagian aset modal tersebut dianggap telah berlaku menurut subseksyen 65F(7) ACP.

Bagi pelupusan sebahagian, penentuan amaun atau nilai balasan pemerolehan dan lain-lain perbelanjaan dan kos sampingan hendaklah dibahagikan sewajarnya mengikut bahagian aset modal yang dilupuskan.

9.4 Harga pelupusan

Harga pelupusan adalah amaun atau nilai balasan pelupusan dalam bentuk wang atau nilai wang bagi pelupusan aset modal tolak perbelanjaan yang dibenarkan.

9.4.1 Pengiraan harga pelupusan menurut perenggan 65E(2)(a) ACP boleh diringkaskan seperti berikut:

	RM	RM
Amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang untuk pelupusan aset modal		xx
<i>Tolak</i> : Belanja dibenarkan		
(i) amaun perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata ke atas aset modal, pada bila-bila masa selepas pemerolehannya oleh / atau bagi pihak pelupus untuk tujuan meninggikan nilai atau mengekalkan nilai aset modal itu, iaitu perbelanjaan yang dicerminkan dalam keadaan atau sifat aset modal itu pada masa pelupusan	xx	

	RM	RM
(ii) amaun perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata pada bila-bila masa selepas pemerolehan aset modal itu oleh pelupus itu dalam memastikan, mengekalkan atau mempertahankan hak milik atau hak ke atas aset modal itu	xx	
(iii) kos sampingan yang dilakukan kesemua dan semata-matanya untuk tujuan pelupusan	xx	xx
Harga pelupusan		xx

9.4.2 Kos sampingan untuk pelupusan

Kos sampingan pelupusan hendaklah dilakukan kesemua dan semata-mata oleh pelupus untuk tujuan pelupusan aset modal. Kos sampingan pelupusan yang dibenarkan adalah:

- (a) fi, komisen atau saraan yang dibayar untuk perkhidmatan profesional mana-mana jurunilai, akauntan, ejen atau penasihat undang-undang seperti –
 - (i) fi guaman yang dibayar untuk menyediakan perjanjian jual beli termasuk pembayaran yang dibayar berkaitan dengan urusan pelupusan aset modal sahaja;
 - (ii) fi kepada jurunilai untuk mendapatkan nilai pasaran aset modal pada masa pelupusan; atau
 - (iii) komisen yang dibayar kepada ejen atau mana-mana orang lain bagi mendapatkan pembeli;
- (b) kos pengiklanan untuk mendapatkan pembeli; dan
- (c) kos yang dilakukan untuk penilaian atau penentuan nilai pasaran aset modal.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

9.5 Harga pemerolehan

Harga pemerolehan adalah amaun atau nilai balasan pemerolehan dalam bentuk wang atau nilai wang bagi pemerolehan aset modal termasuk kos sampingan semasa pemerolehan.

9.5.1 Pengiraan harga pemerolehan menurut perenggan 65E(2)(b) ACP boleh diringkaskan seperti berikut:

	RM	RM
Amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang untuk pemerolehan aset modal		xx
<i>Campur:</i> Kos sampingan untuk pemerolehan		xx
		xx
<i>Tolak:</i>		
(i) Pampasan yang diterima kerana kerosakan, kemusnahan atau susut nilai atau risiko susut nilai aset	xx	
(ii) Wang yang diterima di bawah polisi insurans kerana kerosakan, kerugian, kemusnahan atau susut nilai aset	xx	
(iii) Jumlah wang yang terlucut hak iaitu suatu deposit yang diterima oleh pelupus berhubung dengan pindah milik yang dicadangkan (pelupusan terbatal)	xx	xx
Harga pemerolehan		xx

9.5.2 Kos sampingan untuk pemerolehan

Kos sampingan pemerolehan hendaklah dilakukan kesemua dan semata-mata oleh pelupus untuk tujuan pemerolehan aset modal. Kos sampingan pemerolehan yang dibenarkan adalah:

- (a) fi, komisen atau saraan yang dibayar untuk perkhidmatan profesional mana-mana jurunilai, akauntan, ejen atau penasihat undang-undang seperti –

- (i) fi guaman yang dibayar untuk menyediakan perjanjian jual beli termasuk pembayaran yang dibayar berkaitan dengan urusan pemerolehan aset modal sahaja;
- (ii) fi kepada jurunilai untuk mendapatkan nilai pasaran aset modal pada masa pemerolehan; dan
- (iii) komisen yang dibayar kepada ejen atau mana-mana orang lain bagi mendapatkan penjual;
- (b) kos pindah milik seperti duti setem yang dibayar untuk pemerolehan aset modal; dan
- (c) kos pengiklanan untuk mendapatkan penjual.

9.6 Dalam menentukan pendapatan larasan atau kerugian larasan daripada pelupusan aset modal, perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan pelupusan dan pemerolehan aset modal perlu diambil kira menurut peruntukan di bawah Bab 9 ACP sebagaimana dijelaskan dalam perenggan 9.4 dan 9.5 di atas. Sehubungan itu, perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33 dan 34 ACP tidak terpakai bagi tujuan potongan perbelanjaan dalam pengiraan laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 65E(12) ACP.

9.7 Sekiranya pembayar cukai memilih untuk dikenakan cukai pada kadar 2% daripada harga atau nilai pelupusan kasar di bawah peruntukan subperenggan (a)(ii) Bahagian XXI Jadual 1 ACP, potongan perbelanjaan di bawah subseksyen 65E(2) ACP adalah tidak terpakai.

9.8 Pengiraan pendapatan larasan atau kerugian larasan

- (a) Sekiranya harga pelupusan aset modal melebihi harga pemerolehan, terdapat pendapatan larasan yang boleh dikenakan cukai.
- (b) Jika harga pelupusan aset modal kurang daripada harga pemerolehan, terdapat kerugian larasan yang boleh dibenarkan.

9.9 Pendapatan bercukai

Pendapatan larasan yang ditentukan adalah pendapatan bercukai daripada punca laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal bagi sesuatu tahun taksiran. Jika berlaku kerugian daripada pelupusan dalam tahun semasa, kerugian tersebut dibenarkan sebagai tolakan dalam menentukan pendapatan bercukai daripada pelupusan aset modal yang berikutnya.

Contoh 6

Dalam tahun 2025, Jebat Holding Sdn. Bhd. (Jebat) telah melakukan dua pelupusan STT yang dipegangnya. Pelupusan pertama kali telah mengalami kerugian sebanyak RM350,000.

Pelupusan kedua dilakukan pada 2.10.2025 yang melibatkan 200,000 unit saham yang dipegang dalam Tuah Teguh Sdn. Bhd. (Tuah) dengan harga jualan RM600,000. Saham ini telah diperoleh pada 2.6.2024 dengan harga RM300,000. Jebat telah membelanjakan kos duti setem berjumlah RM1,400 dan bayaran guaman sebanyak RM6,600 semasa pemerolehan saham tersebut.

Jebat telah membelanjakan yuran guaman sebanyak RM12,000 semasa pelupusan saham. Tempoh perakaunan Jebat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berikut adalah pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar atas pelupusan saham oleh Jebat Holding Sdn. Bhd. bagi TT2025:

	RM	RM	RM
Amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang untuk pelupusan aset modal		600,000	
<i>Tolak:</i> Belanja dibenarkan			

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	RM	RM	RM
(i) amaun perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata ke atas aset modal, pada bila-bila masa selepas pemerolehannya oleh / atau bagi pihak pelupus untuk tujuan meninggikan nilai atau mengekalkan nilai aset modal itu, iaitu perbelanjaan yang dicerminkan dalam keadaan atau sifat aset modal itu pada masa pelupusan	-		
(ii) amaun perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata pada bila-bila masa selepas pemerolehan aset modal itu oleh pelupus itu dalam memastikan, mengekalkan atau mempertahankan hak milik atau hak ke atas aset modal itu	-		
(iii) kos sampingan untuk tujuan pelupusan (Bayaran guaman)	12,000	(12,000)	
Harga pelupusan			588,000
Tolak:			
Amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang untuk pemerolehan aset modal		300,000	
<i>Campur:</i> Kos sampingan untuk pemerolehan (Duti setem + Bayaran guaman)		8,000	
		308,000	
Tolak:			
(i) Pampasan yang diterima kerana kerosakan, kemusnahan atau susut nilai atau risiko susut nilai aset	-		
(ii) Wang yang diterima di bawah polisi insurans kerana kerosakan, kerugian, kemusnahan atau susut nilai aset	-		

	RM	RM	RM
(iii) Jumlah wang yang terlucut hak iaitu suatu deposit yang diterima oleh pelupus berhubung dengan pindah milik yang dicadangkan (pelupusan terbatal)	-	-	
Harga pemerolehan			(308,000)
Pendapatan / (kerugian) larasan			280,000
<i>Tolak:</i> Kerugian larasan tahun semasa	350,000	(Terhad)	(280,000) ¹
Kerugian larasan semasa diserap	(280,000)		
Kerugian larasan semasa tidak dapat diserap dihantar hadapan	70,000		
Pendapatan bercukai			0
Cukai yang dikenakan pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian XXI Jadual 1 ACP			0.00

Nota:

¹ Kerugian larasan dalam tahun taksiran semasa (pelupusan kali pertama) berjumlah RM350,000 dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan larasan daripada pelupusan kedua terhad kepada RM280,000. Amaun baki kerugian larasan RM70,000 yang tidak dapat diserap dalam TT2025 boleh dihantar ke hadapan dan dibenarkan sebagai tolakan daripada pendapatan larasan pelupusan berikutnya dalam TT2026.

10. KERUGIAN YANG TIDAK DAPAT DISERAP

10.1 Kerugian larasan pelupusan aset modal hanya dibenarkan tolakan daripada pendapatan larasan pelupusan aset modal berikutnya yang dilakukan di dalam tahun asas yang sama bagi suatu tahun taksiran di mana pelupusan itu berlaku sebagaimana peruntukan subseksyen 65E(5) ACP.

10.2 Kerugian larasan aset modal tahun semasa yang tidak dapat diserap hanya boleh dihantar ke hadapan untuk ditolak dengan punca pendapatan larasan yang sama bagi tempoh 10 tahun taksiran yang berturut-turut sebagaimana subseksyen 65E(6) ACP.

10.3 Tempoh 10 tahun taksiran yang berturut-turut bermula sebaik selepas tahun taksiran kerugian larasan berlaku. Sebarang baki kerugian larasan yang tidak dapat diserap setelah berakhirnya tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut tersebut hendaklah diabaikan.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 6.

Maklumat tambahan:

Dalam TT2024, Jebat telah melupuskan sejumlah pemegangan dalam STT suatu syarikat lain dan mengalami kerugian sebanyak RM50,000. Amaun ini dibenarkan dihantar ke hadapan kerana tidak dapat diserap daripada pendapatan larasan pelupusan dalam TT2025.

Berikut adalah pengiraan kerugian yang tidak dapat diserap untuk dibawa ke hadapan oleh Jebat Holding Sdn. Bhd. dalam TT2025:

	RM	RM	RM
Pendapatan / (kerugian) larasan			280,000 ¹
<i>Tolak:</i> Kerugian larasan tahun semasa	350,000		
Kerugian larasan semasa diserap	(280,000)	(Terhad)	(280,000)
Kerugian larasan semasa tidak dapat diserap dihantar hadapan	70,000		
Kerugian larasan TT2024 tidak dapat diserap dihantar hadapan	50,000		
Pendapatan bercukai			0

Nota:


- ¹ Pendapatan larasan (sebelum tolakan kerugian) tahun semasa seperti di Contoh 6.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Layanan kerugian larasan adalah seperti berikut:

Kerugian larasan TT2024 sebanyak RM50,000 yang tidak dapat diserap dalam TT2025, dibenarkan dihantar ke tahun taksiran berikutnya sehingga TT2034. Sekiranya masih terdapat baki yang tidak dapat diserap selepas TT2034, ia hendaklah diabaikan menurut peruntukan subseksyen 65E(6) ACP.

Rajah 1: Tempoh kerugian larasan dihantar hadapan dan diserap ke tahun taksiran berikutnya bagi pelupusan aset modal



Contoh 8

Orked Medic Sdn. Bhd. (Orked) menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Orked melupuskan pemegangan STT dalam beberapa syarikat yang diperbadankan di Malaysia seperti berikut:

Tahun Taksiran	STT Syarikat	Pendapatan / (Kerugian) Larasan (RM)
2024 - Pelupusan pertama	Aranda Sdn Bhd	(408,000)
2024 - Pelupusan kedua	Doritis Sdn Bhd	100,000
2027	Eria Sdn Bhd	300,000
2035	Liparis Sdn Bhd	250,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Orked Medic Sdn. Bhd.

Layanan kerugian larasan yang tidak dapat diserap dan dihantar hadapan dalam TT2024 hingga TT2035:

Perkara	TT2024		TT2025 – 2026	TT2027	TT2028 – 2034	TT2035
	Pelupusan pertama RM	Pelupusan kedua RM				
Pendapatan / (Kerugian) larasan	(408,000)	100,000	Tiada pelupusan	300,000	Tiada pelupusan	250,000
Kerugian larasan tahun semasa yang diserap	-	(100,000)	-	-	-	-
Kerugian larasan yang tidak dapat diserap daripada TT2024 diserap dalam TT2027	-	-	-	(300,000)	-	-
Kerugian larasan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan / *diabaikan	(408,000) ¹	(308,000) ²	(308,000)	(8,000)	*(8,000) ³	Tiada
Pendapatan Bercukai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	250,000

Nota:

- ¹ Kerugian larasan semasa berjumlah RM408,000 boleh dibenarkan tolakan daripada pendapatan larasan pelupusan aset modal berikutnya yang dilakukan dalam TT2024.
- ² Kerugian larasan semasa berjumlah RM308,000 yang tidak dapat diserap dalam TT2024 boleh dihantar ke hadapan untuk ditolak dengan pendapatan larasan punca pendapatan yang sama bagi tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut bermula TT2025.
- ³ Kerugian RM8,000 yang tidak dapat diserap di akhir tempoh 10 tahun taksiran (TT2034) hendaklah diabaikan menurut peruntukan subseksyen 65E(6) ACP.

Contoh 9

Marmontte Sdn. Bhd. (Marmontte) menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Marmontte melupuskan pemegangan STT dalam beberapa syarikat yang diperbadankan di Malaysia seperti berikut:

Tahun Taksiran	STT Syarikat	Pendapatan / (Kerugian) Larasan (RM)
2024	Totissima Sdn Bhd	(215,000)
2025	Blondie Sdn Bhd	175,000
2033	Horsebite Sdn Bhd	(150,000)
2034	Ophidia Sdn Bhd	(86,000)
2035	Emblem Sdn Bhd	200,000

Marmontte Sdn. Bhd

Layanan kerugian larasan yang tidak dapat diserap dan dihantar hadapan:

Perkara	TT2024 RM	TT2025 RM	TT2026 – 2032 RM	TT2033 RM	TT 2034 RM	TT2035 RM
Pendapatan / (Kerugian) larasan	(215,000)	175,000	Tiada pelupusan	(150,000)	(86,000)	200,000
Kerugian larasan diserap	-	(175,000) ²	-	-	-	(150,000) ⁴ (50,000) ⁵
Kerugian larasan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan / *diabaikan	(215,000) ¹	(40,000) ²	(40,000)	(40,000) (150,000) ⁴	*(40,000) ³ (150,000) ⁴ (86,000) ⁵	(36,000) ⁵
Pendapatan Bercukai	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Nota:

- ¹ Kerugian larasan semasa berjumlah RM215,000 yang tidak dapat diserap dalam TT2024 hendaklah dihantar ke hadapan untuk ditolak dengan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

pendapatan larasan punca pendapatan yang sama bagi tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut bermula TT2025.

- ² Kerugian larasan TT2024 diserap dalam TT2025 berjumlah RM175,000. Baki kerugian larasan TT2024 berjumlah RM40,000 dihantar ke hadapan.
- ³ Baki kerugian larasan TT2024 berjumlah RM40,000 yang tidak dapat diserap di akhir tempoh 10 tahun taksiran (TT2034) hendaklah diabaikan menurut peruntukan subseksyen 65E(6) ACP.
- ⁴ Kerugian larasan bawa hadapan daripada TT2033 berjumlah RM150,000 diserap sepenuhnya daripada pendapatan larasan TT2035.
- ⁵ Kerugian larasan semasa TT2034 berjumlah RM86,000 diserap sebahagian berjumlah RM50,000 dalam TT2035. Baki kerugian larasan tidak dapat diserap berjumlah RM36,000 (RM86,000 – RM50,000) akan dihantar hadapan dan hendaklah ditolak dengan pendapatan larasan bagi tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut bermula TT2035.

11. PEMINDAHAN ASET MODAL KEPADA STOK DAGANGAN

11.1 Jika suatu aset modal yang diperoleh/dipegang oleh pelupus diklasifikasikan sebagai pelaburan atau aset bukan semasa dalam perniagaannya kemudiannya diambil kira sebagai stok dagangan/inventori, maka suatu pelupusan disifatkan berlaku pada tarikh aset modal itu diambil kira sebagai stok dagangan sebagaimana perenggan 65F(6)(a) ACP.

11.2 Harga pelupusan adalah nilai pasaran aset modal pada tarikh ia diambil kira sebagai stok dagangan di bawah perenggan 65F(6)(b) ACP.

11.3 Sekiranya nilai aset modal yang diambil kira sebagai stok dagangan adalah melebihi harga pemerolehan aset modal tersebut, maka perbezaannya merupakan laba atau keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

12. PELUPUSAN SAHAM SYARIKAT RELEVAN MENURUT SEKSYEN 15C ACP

12.1 Laba atau keuntungan daripada pelupusan saham dalam syarikat terkawal yang diperbadankan di luar Malaysia (syarikat relevan) dianggap terbit daripada Malaysia dan tertakluk kepada CKM sekiranya syarikat relevan tersebut memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham dalam syarikat terkawal lain atau kedua-duanya.

12.2 Pengenaan CKM menurut seksyen 15C ACP turut terpakai bagi pelupusan saham SHT (menurut perenggan 34A Jadual 2 ACKHT) mulai 1.1.2024. Oleh itu, mana-mana pemegang saham SHT sebelum 1.1.2024 akan tertakluk kepada CKM di bawah ACP bagi pembayar cukai syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi.

12.3 Tafsiran

- (a) “Syarikat terkawal” bermaksud sebuah syarikat yang mempunyai pemegang saham tidak melebihi 50 orang dan dikawal oleh tidak lebih 5 orang sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 139 ACP.
- (b) “Syarikat terkawal lain” bermaksud suatu syarikat terkawal yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia (termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya) atau saham dalam syarikat terkawal lain, atau memiliki kedua-duanya, yang mana nilai tertentu harta tanah atau saham itu, atau kedua-duanya, tidak kurang 75% daripada nilai JAKnya.
- (c) “Nilai tertentu” (**NT**) bermaksud –
 - (i) NT bagi harta tanah adalah nilai pasaran harta tanah; atau
 - (ii) NT bagi saham syarikat terkawal lain adalah harga pemerolehan saham syarikat terkawal lain sebagaimana ditentukan di bawah subseksyen 15C(4) ACP.

- (d) “Nilai jumlah aset ketara” (**JAK**) bermaksud agregat NT harta tanah (termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya) atau saham yang dimiliki dalam syarikat terkawal lain atau kedua-duanya dan nilai aset ketara lain.

Aset ketara terdiri daripada:

- (i) aset tetap/bukan semasa seperti tanah, bangunan, kenderaan, loji dan jentera, kelengkapan, perabot dan aset tetap lain;
- (ii) aset semasa seperti stok, penghutang, belum terima, baki bank, baki tunai dan aset semasa lain; dan
- (iii) pelaburan.

Aset tidak ketara seperti paten, hak cipta dan tanda dagangan tidak diambil kira dalam menentukan nilai JAK.

12.4 Penentuan pemegangan saham syarikat relevan

- (a) Pemegangan saham dalam syarikat terkawal yang diperbadankan di luar Malaysia menjadi pemegangan saham syarikat relevan apabila –
 - (i) NT harta tanah yang terletak di Malaysia (termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya) yang dimiliki oleh syarikat relevan tidak kurang 75% daripada nilai JAK;
 - (ii) NT saham dalam syarikat terkawal lain yang dimiliki oleh syarikat relevan tidak kurang 75% daripada nilai JAK yang dimilikinya; atau
 - (iii) NT harta tanah yang terletak di Malaysia [menurut perenggan 15C(2)(a) ACP] dan saham dalam syarikat terkawal lain [menurut perenggan 15C(2)(b) ACP] yang dimiliki oleh syarikat relevan tidak kurang 75% daripada nilai JAK yang dimilikinya.
- (b) Pemegangan saham SHT menurut ACKHT adalah dianggap sebagai pemegangan saham syarikat relevan.

- (c) Sekiranya pemegangan saham bukan merupakan saham syarikat relevan, status pemegangan saham hendaklah ditentukan semula pada mana-mana tarikh syarikat terkawal tersebut kemudiannya memperoleh (iaitu pemerolehan terkemudian) harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham dalam syarikat terkawal lain atau kedua-duanya dengan merujuk kepada subseksyen 15C(3) ACP.

Pemerolehan terkemudian merujuk kepada pemerolehan harta tanah atau saham yang menjadikan syarikat terkawal sebuah syarikat relevan, di mana NT dalam syarikat terkawal berkenaan tidak kurang 75% daripada nilai JAK yang dimilikinya.

Pemegangan saham dianggap pemegangan saham syarikat relevan bermula dari tarikh syarikat terkawal menjadi syarikat relevan.

Contoh 10

Sweetgo Pty. Ltd. (Sweetgo) adalah sebuah syarikat terkawal yang diperbadankan di Ireland dengan bilangan saham yang diterbitkan berjumlah *Irish Pound* (IEP) 1 juta. Pada 1.4.2024, Sweetgo telah membeli sebidang tanah di Zon Perindustrian Kulim dengan nilai pasaran RM4,300,000. Nilai JAK syarikat pada 1.4.2024 adalah RM7,500,000.

Pada tahun 2025, syarikat bercadang untuk mendapatkan pembiayaan. Sehubungan itu, suatu penilaian dibuat ke atas aset syarikat dan didapati nilai pasaran tanah di Kulim telah melonjak kepada RM6,100,000. JAK syarikat dinilai pada RM8,000,000 menjadikan NT berbanding JAK melebihi 75%.

Pada 1.6.2026, Sweetgo telah memperoleh saham dalam sebuah syarikat terkawal lain iaitu Giant Panda Sdn. Bhd. (Giant Panda) dengan harga RM4,500,000. Giant Panda memiliki harta tanah di Malaysia yang NT harta tanah tersebut berbanding JAK melebihi 75%.

Nilai pasaran bagi tanah di Kulim pada 1.6.2026 adalah RM7,000,000 dan nilai JAK syarikat adalah RM13,000,000.

Dalam kes ini, status saham Sweetgo sebagai saham syarikat relevan adalah seperti berikut:

Tarikh	Jumlah NT Berbanding JAK (%)	Status Saham Syarikat Relevan
1.4.2024	Perolehan tanah baharu	Bukan saham syarikat relevan ¹
	$= \frac{\text{NT}}{\text{JAK}} \times 100\%$	
	$= \frac{4,300,000}{7,500,000} \times 100\% = 57.33\%$	
2025	Peningkatan nilai tanah	Bukan saham syarikat relevan ²
	Tiada penilaian NT	
1.6.2026	Pemerolehan saham Giant Panda	Saham syarikat relevan ³
	$= \frac{\text{NT tanah di Kulim} + \text{NT saham Giant Panda}}{\text{JAK}} \times 100\%$	
	$= \frac{11,500,000}{13,000,000} \times 100\% = 88.46\%$	

Nota:

- ¹ Pada 1.4.2024, saham Sweetgo bukan saham syarikat relevan kerana NT harta tanah yang diperolehi Sweetgo adalah kurang 75% daripada nilai JAK syarikat.
- ² Penentuan status saham Sweetgo sebagai saham syarikat relevan tidak perlu dibuat pada tahun 2025 kerana tiada pemerolehan harta tanah atau saham syarikat terkawal lain.
- ³ Pada 1.6.2026, saham Sweetgo adalah saham syarikat relevan kerana NT harta tanah dan saham [RM7,000,000 + RM4,500,000 = RM11,500,000] yang diperolehi Sweetgo adalah melebihi 75% daripada nilai JAK syarikat.

Contoh 11

Penentuan saham syarikat terkawal lain menurut subseksyen 15C(5) ACP.

Pada 1.5.2024, Odyssee Sdn Bhd (Odyssee/pemegang saham) memperoleh saham sebanyak 2,500 unit saham dalam Dauphine Pty. Ltd. (Dauphine) yang merupakan syarikat terkawal yang diperbadankan di United Kingdom berjumlah GBP100,000. Dauphine memiliki sebidang tanah di Forest City, Johor yang dibeli pada 21.9.2021 dengan harga RM2,000,000. Nilai JAK Dauphine pada tarikh tersebut adalah RM3,500,000.

Pada 1.2.2026, Dauphine memperoleh saham dalam syarikat terkawal lain iaitu Slouchy Sdn Bhd (Slouchy) berjumlah RM2,800,000. Slouchy memiliki saham dalam syarikat terkawal lain Canoe Pty. Ltd (Canoe) yang mana NT saham dalam Canoe melebihi 75% dari JAK Slouchy. Manakala, Canoe pula memiliki sebidang tanah di Kota Kinabalu yang mana NT tanah melebihi 75% dari JAK Canoe.

Nilai pasaran tanah milik Dauphine di Forest City pada 1.2.2026 meningkat sehingga RM3,800,000 dan nilai JAK Dauphine adalah RM8,100,000

Status saham Dauphine sebagai saham syarikat relevan adalah seperti berikut:

Tarikh	Jumlah NT Berbanding JAK (%)	Status Saham Syarikat Relevan
21.9.2021	Pemerolehan tanah di Forest City	Bukan saham syarikat relevan ¹
	$= \frac{\text{NT tanah}}{\text{JAK}} \times 100\%$ $= \frac{2,000,000}{3,500,000} \times 100\% = 57\%$	
1.2.2026	Pemerolehan saham dalam Slouchy	Saham syarikat relevan ³
	$= \frac{\text{NT tanah di Forest City} + \text{NT saham Slouchy}^2}{\text{JAK}} \times 100\%$ $= \frac{3,800,000 + 2,800,000}{8,100,000} \times 100\% = 81\%$	

Nota:

- ¹ Oleh kerana Dauphine tidak memperoleh harta tanah atau saham syarikat terkawal lain selepas 21.9.2021, maka pemerolehan saham oleh Odyssee pada 1.5.2024 bukanlah pemerolehan saham syarikat relevan.
- ² Slouchy merupakan sebuah syarikat terkawal lain kerana NT pemegangan saham dalam Canoe melebihi 75% dari JAK Slouchy. Canoe juga merupakan syarikat terkawal lain kerana NT tanah miliknya di Kota Kinabalu melebihi 75% dari JAK Canoe.
- ³ Pada 1.2.2026, saham Dauphine adalah saham syarikat relevan kerana jumlah NT kedua-dua tanah di Forest City dan saham dalam Slouchy adalah melebihi 75% daripada nilai JAK Dauphine. Oleh itu, pemegangan saham oleh Odyssee dalam syarikat Dauphine adalah pemegangan saham syarikat relevan mulai 1.2.2026 menurut subseksyen 15C(3) ACP.

12.5 Kesan atas pemegangan saham syarikat relevan akibat perubahan status syarikat relevan

Saham syarikat tidak lagi menjadi saham syarikat relevan apabila NT menjadi kurang 75% daripada nilai JAK syarikat akibat pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat terkawal lain atau kedua-duanya. Kesan atas pemegangan saham syarikat relevan adalah:

- (a) saham syarikat relevan kekal sebagai aset modal yang boleh dikenakan cukai di tangan pemegang saham walaupun pada masa saham tersebut dilupuskan, syarikat bukan lagi berstatus syarikat relevan.
- (b) saham yang diperoleh semasa syarikat bukan lagi syarikat relevan, bukan suatu pemerolehan aset modal di bawah seksyen 15C ACP sehinggalah syarikat menjadi syarikat relevan semula.

12.6 Penentuan tarikh dan harga pemerolehan bagi saham syarikat relevan yang **diperoleh sebelum atau pada** tarikh syarikat menjadi syarikat relevan

(a) Tarikh pemerolehan saham syarikat relevan

Tarikh pemerolehan saham disifatkan pada tarikh syarikat menjadi syarikat relevan menurut subseksyen 15C(3) ACP. Sila rujuk perenggan 12.4(c) di atas.

(b) Harga pemerolehan saham syarikat relevan

Harga pemerolehan saham syarikat relevan ditentukan berdasarkan formula menurut perenggan 15C(4)(a) ACP seperti berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- A** - bilangan saham dalam syarikat relevan yang dilupuskan oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, perkongsian, badan amanah atau koperasi;
- B** - jumlah bilangan saham yang diterbitkan dalam syarikat relevan pada tarikh pemerolehan terkemudian oleh syarikat relevan berkenaan; dan
- C** - nilai tertentu harta tanah atau saham dalam syarikat terkawal lain atau kedua-duanya yang dimiliki oleh syarikat relevan pada tarikh pemerolehan harta tanah/saham yang terkemudiannya oleh syarikat relevan berkenaan.

Contoh 12

Berdasarkan fakta dalam Contoh 10, Tekno Pak Pty. Ltd. (Tekno) merupakan pemegang saham sedia ada Sweetgo dengan pemegangan saham sebanyak 50,000 unit.

Layanan cukai ke atas Tekno adalah seperti berikut:

Tekno dianggap memperoleh saham syarikat relevan (Sweetgo) pada 1.6.2026 iaitu bersamaan tarikh Sweetgo menjadi syarikat relevan menurut subseksyen 15C(3) ACP.

Penentuan harga pemerolehan saham syarikat relevan (Sweetgo) oleh Tekno adalah sebagaimana formula menurut peruntukan perenggan 15C(4)(a) ACP.

12.7 Penentuan tarikh dan harga pemerolehan bagi saham syarikat relevan yang **diperoleh selepas** tarikh syarikat menjadi syarikat relevan

- (a) Tarikh pemerolehan saham syarikat relevan adalah pada tarikh pemerolehan saham tersebut menurut subseksyen 15C(2) ACP.
- (b) Harga pemerolehan saham adalah menurut perenggan 15C(4)(b) ACP iaitu harga sebenar yang dibayar sebagaimana peruntukan perenggan 65E(2)(b) ACP atau nilai pasaran menurut subseksyen 65E(8) ACP.

Contoh 13

Berdasarkan fakta dalam Contoh 10 di atas, syarikat X-Tream Sdn. Bhd. (X-Tream) telah memperoleh saham dalam Sweetgo pada 15.10.2026 dengan harga RM10,000,000.

Layanan cukai ke atas X-Tream adalah seperti berikut:

X-Tream disifatkan telah memperoleh saham syarikat relevan mulai 15.10.2026 menurut subseksyen 15C(2) ACP kerana Sweetgo adalah sebuah syarikat relevan sejak 1.6.2026. Harga pemerolehan saham adalah harga pemerolehan sebenar iaitu RM10,000,000 menurut perenggan 15C(4)(b) ACP.

12.8 Laba atau keuntungan daripada pelupusan saham syarikat relevan

Pendapatan atau kerugian larasan daripada pelupusan saham syarikat relevan ditentukan dengan mengambil kira perbezaan amaun atau nilai balasan pelupusan dan pemerolehan setelah pelarasan dibuat dengan apa-apa perbelanjaan berkaitan pelupusan dan pemerolehan saham tersebut. Penentuan pendapatan bercukai adalah sebagaimana perenggan 9 di atas.

Sekiranya harga pemerolehan saham ditentukan mengikut formula menurut perenggan 15C(4)(a) ACP, kos sampingan pemerolehan saham adalah tidak dibenarkan dalam mengira pendapatan larasan.

13. PENENTUAN TARIKH DAN HARGA BAGI PEMEROLEHAN SAHAM SHT SEBELUM 1.1.2024

13.1 Menurut subseksyen 15C(2A) ACP, tarikh pemerolehan saham syarikat relevan yang merupakan saham SHT sebelum 1.1.2024 adalah ditentukan di bawah subperenggan 34A(2) Jadual 2 ACKHT.

13.2 Menurut subseksyen 15C(4A) ACP, harga pemerolehan saham syarikat relevan yang merupakan saham SHT sebelum 1.1.2024 adalah ditentukan di bawah subperenggan 34A(3) Jadual 2 ACKHT.

14. TUNTUTAN KREDIT CUKAI ASING

Pelupus yang telah dikenakan cukai di luar negara (sama ada secara pengenaan cukai pegangan atau cukai pendapatan) berkaitan laba atau keuntungan daripada pelupusan STT dan saham syarikat relevan menurut seksyen 15C ACP, boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 ACP tertakluk kepada Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali antara Malaysia dengan negara di mana cukai asing dikenakan.

Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan bukti bahawa cukai asing telah dikenakan ke atas laba atau keuntungan tersebut.

15. KADAR CUKAI KEUNTUNGAN MODAL

Kadar cukai yang dikenakan ke atas pendapatan bercukai daripada pelupusan aset modal iaitu STT dan saham syarikat relevan adalah diperuntukkan dalam Bahagian XXI Jadual 1 ACP. Kadar cukai ditentukan berdasarkan kepada tarikh pemerolehan aset modal tersebut seperti berikut:

(a) Aset modal diperoleh sebelum 1 Januari 2024

Merujuk perenggan (a) Bahagian XXI Jadual 1 ACP, pembayar cukai boleh memilih sama ada untuk dikenakan cukai berdasarkan:

- (i) kadar cukai 10% ke atas pendapatan bercukai daripada pelupusan aset modal; atau
- (ii) kadar cukai 2% ke atas harga pelupusan kasar daripada pelupusan aset modal.

Harga pelupusan kasar merujuk kepada amaun atau nilai balasan pelupusan kasar.

(b) Aset modal diperoleh mulai 1 Januari 2024

Merujuk perenggan (b) Bahagian XXI Jadual 1 ACP, kadar cukai adalah 10% ke atas pendapatan bercukai daripada pelupusan aset modal.

16. PELAPORAN CUKAI KEUNTUNGAN MODAL

16.1 Pembayar cukai yang melupuskan aset modal hendaklah melaporkan pendapatan dengan mengemukakan borang nyata CKM secara e-Filing (Borang e-CKM) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan.

16.2 Di bawah seksyen 77B ACP, pembayar cukai dibenarkan membuat pindaan ke atas borang nyata yang telah dikemukakan kepada KPHDN.

Pindaan terhadap borang nyata tersebut boleh dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh akhir bagi pengemukakan borang nyata.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

16.3 Bayaran cukai hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan aset modal tersebut.

16.4 Pembayar cukai yang melupuskan aset modal tidak tertakluk kepada peruntukan seksyen 107C ACP berhubung pengemukaan anggaran cukai kena dibayar dan bayaran anggaran cukai secara ansuran.

17. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

18. PEMAKAIAN

Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Cukai Keuntungan Modal Bagi Saham Tidak Tersenarai bertarikh 1.3.2024.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

21 Julai 2025

s.k. : LHDN.AG.600-1/2/11